

22/05/2003

Semua pihak nikmati faedah pakej RM7.3b

PAKEJ RM7.3 bilion diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, bertujuan memantapkan lagi pertumbuhan dan perkembangan ekonomi ketika pelbagai sektor merasai kesan wabak Sindrom Pernafasan Yang

Teruk (SARS) dan libasan peperangan di Iraq, jelas membuktikan betapa kerajaan prihatin dan peka terhadap rayuan dan keluhan semua kalangan yang

terjejas. Secara ringkas ia memberi tumpuan kepada empat strategi bertujuan menggalakkan pelaburan swasta, memperkukuhkan daya saing negara,

menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan dan swasta serta untuk mengatasi kesan SARS.

Suntikan

pembiayaan bagi menjayakan 90 langkah dalam pakej itu menunjukkan juga kerajaan mahu melihat semua pihak yang merasai kesukaran akibat ketidaktentuan global sejak akhir-akhir ini bangkit bersama dan mampu terus memberi sumbangan bagi memajukan negara.

Pakej rangsangan yang begitu komprehensif itu memberi perhatian dan peruntukan kepada hampir semua bidang, sektor dan pelbagai corak perniagaan daripada industri sederhana dan kecil, hartanah, perhotelan dan

perkhidmatan hingga kepada nelayan dan tidak ketinggalan juga insentif dihulurkan bagi meringankan beban ibu tunggal. Jelas kerajaan dalam menghulurkan bantuan begitu ikhlas dan tidak mahu ada sektor atau kalangan

yang berasa mereka ditinggal, dipinggir atau dikecualikan. Bagi masyarakat

amnya peruntukan RM100 juta disediakan bagi membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan meningkatkan kerja pembersihan sejajar usaha membendung dan menghindari wabak SARS.

Kita tidak boleh menolak hakikat betapa serangan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq mencetuskan kesan buruk terhadap pertumbuhan ekonomi AS yang

jika gagal dipulihkan boleh melambatkan kebangkitan semula ekonomi negara

membangun ke tahap melegakan. Mujur harga minyak tidak melambung sebagaimana diramalkan. Jika tidak keadaan tentu menjadi lebih dahsyat.

Malangnya sedang kesan peperangan itu dirasai, timbul pula wabak SARS yang

mula merosakkan sektor perhotelan yang banyak mengharapkan kedatangan pelancong asing, mengurangkan bilangan penumpang syarikat penerbangan dan

menjejas pendapatan bidang perniagaan khususnya gedung membeli-belah yang

melihat pesta jualan murah mereka tidak dipenuhi pembeli lagi. Bagi mengurangkan beban dirasai begitu berat oleh sektor inilah, kerajaan memberi diskaun lima peratus bil elektrik bagi hotel dan restoran selama enam bulan mulai Jun ini sedang cukai jalan bagi teksi turut diberi

pengurangan 50 peratus bagi jangka masa sama.

Kerajaan yang sedar keinginan membeli rakyat harus dijana semula mengumumkan pemberian bonus setengah bulan bagi kakitangan sektor awam dan penurunan kadar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Lebihan wang tunai itu tidak syak lagi membolehkan pekerja berbelanja dalam negara lantas sekali gus menggerakkan lagi pertumbuhan ekonomi dalaman dan menceriakan sektor peruncitan. Pemberian bonus itu juga adalah penghargaan berterusan kerajaan terhadap sumbangan kakitangan awam. Ia diharap dapat menimbulkan kesedaran lebih kepada mereka untuk memberikan perkhidmatan terbaik ketika melayan dan memenuhi pelbagai keperluan rakyat jelata yang perlu berurusan dengan mereka. Pengorbanan doktor dan kakitangan perubatan yang bertungkus-lumus menghadapi dan merawat pesakit SARS yang belum ditemui penawarnya juga tidak dilupakan. Mereka diberi elaun kritikal bulanan dari April lalu sehingga wabak itu dihapuskan.

Kerajaan juga tidak melupakan kesusahan ibu tunggal dalam menghadapi cabaran getir sama ada membesarkan anak atau mencari tempat berlindung. Seajar ini buat pertama kali mereka diberi keutamaan dalam skim pemilikan rumah kos rendah dan sederhana. Faktor paling penting dalam menilai pembelaan ikhlas ini adalah betapa kerajaan tetap berusaha mengurangkan jurang di antara golongan berada dan kurang berada. Pelbagai

ganjaran dan faedah rendah bagi memiliki rumah itu diharap secara tidak langsung membantu mengubah corak hidup masyarakat kurang berada, mempertingkatkan prestasi pelajar dan mengelakkan masalah sosial seperti budaya lepak. Pihak lain yang turut mendapat faedah pakej itu termasuk industri kecil dan sederhana, petani dan nelayan.

Pakej strategi baru itu adalah satu lagi usaha kerajaan menjana terus kemajuan negara dengan harapan kita mampu atau lebih baik lagi meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi melebihi 4.2 peratus dicapai tahun lalu. Kerjasama dan sokongan padu rakyat tidak syaki lagi amat penting bagi menjayakan pakej berkenaan.